



MUSA AHMAD (dua dari kanan) bersama tiga timbalannya (dari kanan), Zulkifli Abdul Ghani, Mustafa Hanefah dan Mohamed Asin Dollah serta Pendaftar USIM, Muhammad Haizuan Rozali (kiri) melihat album kenangan Konvokesyen Ke-11 USIM 2013 selepas sidang akhbar menjelang Majlis Konvokesyen Ke-12 USIM di Nilai, Negeri Sembilan, kelmarin. - UTUSAN ASWAD YAHYA

1,689 pelajar USIM terima ijazah

SEREMBAN 12 Nov. - Seramai 1,689 pelajar bakal menerima ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah sempena majlis Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Ke-12 pada 15 dan 16 November ini.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad berkata, kesemua mereka merupakan pelajar pelbagai jurusan melalui 46 program yang ditawarkan di bawah lapan fakulti di universiti tersebut.

Menurutnya, buat julung kalinya majlis konvokesyen itu akan dilangsungkan di Dewan Besar USIM.

“Daripada 1,689 graduan tersebut, 23 graduan akan menerima doktor falsafah, 88 graduan (ijazah sarjana), 29 (diploma siswazah) dan 1,549 graduan penerima ijazah sarjana muda.



“Majlis konvokesyen kali ini turut menyaksikan peningkatan graduan berbanding tahun sebelumnya iaitu seramai 1,497 orang,” katanya dalam sidang akhbar majlis Konvokesyen USIM Ke-12 di Nilai dekat sini, semalam. Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumninya, Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah.

Musa menjelaskan, majlis kon-

vokesyen kali ini akan dijalankan sebanyak empat sidang bagi menganugerahkan ijazah kepada pelajar terlibat berbanding hanya tiga sidang pada tahun lalu.

“Istiadat pembukaan majlis konvokesyen ke-12 akan dijalankan Sabtu ini dan akan disempurnakan oleh Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud selaku Tuanku Canselor USIM,” ujarnya.

Katanya, majlis konvokesyen siri ke-12 itu turut menyaksikan dua tokoh terpilih untuk menerima ijazah kehormat doktor falsafah iaitu Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB), Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman dan Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Abdullah Md. Zin.